



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**SYARAT-SYARAT LESEN LADANG TERNAKAN IKAN DALAM KOLAM
BAGI AKTIVITI MEMANCING YANG DIKENAKAN BAYARAN
DI BAWAH PERATURAN 4 (3)
PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (LADANG TERNAKAN IKAN), 2002**

1. Lesen ladang ternakan ikan dalam kolam ini (bilangan.....) adalah khusus bagi ladang ternakan ikan yang digunakan untuk aktiviti memancing yang dikenakan bayaran iaitu di tapak yang bukan diwartakan kepada Jabatan Perikanan, yang beralamat
.....
2. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen ini di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam kawasan tapak kolam berkenaan.
3. Pemegang lesen hendaklah tidak menukar milik, menjual atau memberikan manfaat lesen ini kepada orang lain.
4. Pemegang lesen hendaklah memastikan sebarang acara atau kejohanan penangkapan ikan rekreasi (*Sport Fishing*) yang diadakan atau dianjurkan di ladang ternakan ikan berkenaan mempunyai lesen di bawah Bab 23, Perintah Perikanan 2009.
5. Pemegang lesen hendaklah mematuhi perundangan dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi yang berkenaan seperti Jabatan Tanah dan sebarang undang-undang bertulis lain yang berkaitan.
6. Pemegang lesen hendaklah tidak menggunakan atau mengizinkan kawasan ternakan ikan bagi sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau yang bertentangan dengan apa yang telah dibenarkan oleh Jabatan Perikanan.
7. Pemegang lesen hendaklah menggunakan makanan ikan/udang dari jenis atau dari pembekal yang dibenarkan oleh Jabatan Perikanan sahaja dan makanan ikan/udang hendaklah bukan dari sumber khinzir.
8. Pemegang lesen hendaklah menggunakan bahan-bahan kimia dan ubat-ubatan haiwan yang dibenarkan oleh Jabatan Perikanan sahaja.
9. Pemegang lesen hendaklah menjaga kebersihan kawasan ternakan ikan dan kawasan persekitaran atau kawasan yang berhampiran dengannya.
10. Pemegang lesen hendaklah tidak memelihara atau membenarkan membawa masuk anjing atau binatang peliharaan lain ke dalam kawasan ladang ternakan ikan tersebut.
11. Pemegang lesen hendaklah tidak membawa atau membenarkan sebarang benda-benda yang merbahaya atau yang melanggar undang-undang masuk ke kawasan ladang ternakan ikan tersebut.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

12. Pemegang lesen hendaklah tidak membuat atau membenarkan perkara-perkara yang menyebabkan kekacauan, gangguan, kerosakan atau huru-hara di dalam kawasan ladang ternakan ikan tersebut pada bila-bila masa kepada penghuni-penghuni lain yang berdekatan.
13. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah-langkah biosekuriti yang bersesuaian ke atas kawasan ladang ternakan ikan bagi mencegah pencemaran.
14. Pemegang lesen hendaklah memberikan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aktiviti ternakan ikan jika dikehendaki oleh Jabatan Perikanan.

Nota :-

- Bayaran lesen adalah B\$50.00 setahun.
- Pengarah Perikanan berhak dan boleh menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa.
- Sebarang perubahan kepada syarat-syarat ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa.
- Lesen ini adalah sah mulai dari tarikh ianya dikeluarkan bagi tempoh satu (1) tahun.
- Permohonan bagi membaharui lesen ini boleh dihadapkan oleh pemegang lesen atau wakil yang dilantik sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum lesen itu mansuh.
- Lesen boleh dibatalkan atau digantung pada bila-bila masa jika didapati mana-mana peraturan atau undang-undang yang dikuatkuasakan tidak dipatuhi.
- Pegawai-Pegawai Jabatan Perikanan Yang Diberikuasa adalah berhak untuk memasuki dan menjalankan pemeriksaan ke atas kawasan memancing ikan tersebut dan sebarang bangunan yang dibina di atasnya untuk memastikan bahawa sebarang syarat lesen ini atau peruntukan undang-undang yang berkenaan telah dipatuhi.
- Syarat-syarat lain adalah seperti yang dikuatkuasakan di bawah Akta Perikanan, Penggal 61 dan Peraturan-Peraturan Perikanan yang berkuatkuasa pada masa ini.
- Kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen adalah merupakan satu kesalahan jenayah dan boleh diambil tindakan di bawah Akta Perikanan, Penggal 61 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga \$10,000 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Saya dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas.

Nama : _____

Jawatan : _____

Syarikat dan Alamat : _____


No. Kad Pengenalan : _____

No. Telefon : _____ (ofis) _____ (hp) _____ (fax)

Emel : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____



=====

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Pegawai Yang Diberikuasa :

Nama : _____

Jawatan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

